

Ekonomi Melayu Pulau Pinang mula nampak kemajuan

Um-26/2/2007.

PULAU PINANG 25 Feb. - Masalah ekonomi orang Melayu Pulau Pinang yang sebelum ini didakwa ketinggalan ekoran dasar kerajaan negeri, mula menampakkan kemajuan.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop berkata, pada masa sama ia masih memerlukan program dan peningkatan aktiviti pembangunan ekonomi serta sosial.

Beliau yang gembira dengan kemajuan itu berkata, pembaharuan pemikiran, penyegaran ilmu dan kemahiran perlu menjadi fokus oleh pemimpin berjawatan bagi membentuk perubahan budaya masyarakat Melayu di negeri ini.

Beliau yang dipertanggungjawabkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memantau permasalahan orang Melayu Pulau Pinang berkata, isu-isu mengenai sikap, tabiat, kepercayaan, keyakinan dan pandangan berkaitan Melayu Pulau Pinang telah lama diperkatakan.

"Selama ini pelbagai pertemuan dan seminar telah diadakan oleh parti politik,

gerakan sosial, NGO (pertubuhan bukan kerajaan) dan institusi pengajian tinggi dan Alhamdulillah, sudah kelihatan sedikit kemajuan.

"Kita sudah nampak cahaya di hujung terowong perjalanan kita. Kitalah yang mesti menuju ke arahnya dan cahaya itu kita akan perbesar bersama agar sinarnya menerangi semua.

"Keprihatinan pentadbiran kerajaan dan peluang pembangunan dengan persekitaran berdaya maju terbentang di hadapan," katanya ketika berucap pada majlis makan malam Sejuta Impian anjuran Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Jelutong di sini, malam ini.

Sehubungan itu, katanya, orang Melayu Pulau Pinang perlu mengukuhkan kekuatan dalaman, spiritual, keazaman, ketahanan, perubahan sikap, tabiat serta sedia menghadapi saingan memandangkan cabaran pasaran terbuka dan era globalisasi mendesak masyarakat melakukan perubahan diri dan budaya secara total.

Menurutnya, kerajaan mahu melihat

munculnya Melayu Pulau Pinang yang kreatif dan konstruktif dengan pemimpin berjawatan boleh membawa teladan baik untuk dicontohi sebagai pemangkin kepada perubahan itu.

"Prasyarat yang paling utama adalah masyarakat Melayu itu sendiri, kita hendaklah bersedia mengatasi kelemahan dan menerima cadangan pembaikan, mematuhi pendekatan dan perancangan sejajar dengan pemikiran terkini," katanya.

Tahun lepas, dakwaan mengenai orang Melayu Pulau Pinang dipinggirkan kerajaan negeri, mendapat perhatian Perdana Menteri yang mahukan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon mengambil kira pandangan masyarakat Melayu memandangkan ada usaha kerajaan negeri gagal membantu mereka dan dipercayai menjadi punca timbulnya perasaan tidak puas hati terhadap Timbalan Presiden Gerakan itu.

Sementara itu, Nor Mohamed berkata, kerangka pembangunan ekonomi Melayu Pulau Pinang perlu selari dengan matlamat digariskan kerajaan yang mampu

menghadapi cabaran, terus cekal, tidak terkongkong, berdaya tahan dan menghindari penghalang kepada kemajuan.

"Pembangunan modal insan secara holistik akan bertunjangkan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelek, keusahawanan, pengetahuan sains dan teknologi di samping sokongan proses pembangunan melalui institusi dan organisasi," katanya.

Nor Mohamed menggesa semua pihak terutama kepimpinan politik termasuk Pergerakan Puteri UMNO, mengenal pasti lima teras Misi Nasional yang boleh mereka sumbangkan berdasarkan kemampuan masing-masing.

Lima aspek itu ialah meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi yang memupuk minda kelas pertama, menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup serta mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.